

Kes kematian melepasi angka 1,000

Sinar Harian (18/02/2021) MS 09

Sebanyak 22 kes dilaporkan pada Rabu menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat Covid-19 adalah sebanyak 1,005 kes

KUALA LUMPUR

Sebanyak 2,998 kes baharu Covid-19 dan 22 kematian direkodkan dalam negara pada Rabu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 5,709 kes sembuh direkodkan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh adalah 229,762 kes, manakala kes aktif adalah sebanyak 41,396 kes.

“Daripada jumlah kes baharu, 2,991 kes adalah penularan tempatan melibatkan 1,578 warganegara dan 1,413 bukan warganegara, manakala tujuh adalah kes import melibatkan tiga warganegara dan



DR NOOR HISHAM

empat bukan warganegara,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor melaporkan kes ha-

rian baharu tertinggi iaitu 1,382 kes, diikuti Johor sebanyak 436 kes dan Negeri Sembilan pula 233 kes.

Katanya, sebanyak 231 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 115 memerlukan bantuan pernafasan.

Menurutnya, kes kematian akibat Covid-19 di negara ini melepasi 1,000 iaitu 1,005 kes dengan 22 kematian dilaporkan pada Rabu melibatkan warganegara iaitu di Selangor (lapan kes); Sabah (empat kes); Kuala Lumpur (tiga kes); masing-masing dua kes di Sarawak dan Perak; serta satu kes di Negeri Sembilan, Kedah dan Johor dengan lingkungan umur anta-

ra 41 hingga 100 tahun.


Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 103 kes yang dilaporkan pada Rabu adalah berkaitan kluster di penjara dan lokap yang membabitkan Kluster Tembok Pengkalani Chepa (48 kes), Kluster Tembok Bendera (22 kes) dan Kluster Tembok Tapah (12 kes).

Selain itu, Kluster Tembok Sungai Udang (empat kes), Kluster Penjara Seberang Perai dan Kluster Penjara Sungai Jelok masing-masing tujuh kes, serta masing-masing satu kes di Kluster Penjara Kepayan, Kluster Tembok Mempaga dan Kluster Matambai.


- Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 17 Februari 2021



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
272,163	229,762	231	1,005	+2,998

